

UCAPAN PERASMIAN

YBhg Datuk Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA

PELANCARAN BUKU MENUJU PUNCAK KEJAYAAN DUNIA DAN AKHIRAT

Dewan Berlian, UiTM Cawangan Selangor,
Kampus Puncak Alam
20 Januari 2024
9.00 pagi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

(senarai dan saluti akan dikemaskini)

Yang Berbahagia

Profesor Dr Ahmad Sazali Hamzah

Rektor

UiTM Cawangan Selangor

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Yang Berbahagia

Prof. Dr Haslinda Yusoff

Dekan Fakulti Perakaunan UiTM

Yang Berbahagia

Prof. Emeritus Dr. Normah Omar

Yang Berusaha Dr. Muhd Kamil Ibrahim

Tetamu Kehormat,

Warga Fakulti Perakaunan

**Para tetamu serta hadirin yang saya hormati
sekalian.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta-Ala kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, dapat kita berhimpun pada hari ini untuk sambutan **Majlis Pelancaran Buku- Menuju Puncak- Kejayaan Dunia dan Akhirat.**
 2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr Haslinda Yusoff, Dekan, Fakulti Perakaunan, para penulis dan penerbit buku serta seluruh warga Fakulti Perakaunan kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis yang bermakna ini.
-

3. **Hadirin yang dihormati sekalian,** Syukur ke hadrat Allah dengan izinNya dapat kita berkumpul di dewan ini bagi majlis pelancaran buku Menuju Puncak- Kejayaan Dunia dan Akhirat. Masih belum terlambat juga untuk saya mengucapkan selamat tahun baru 2024 kepada semua hadirin.

4. *Menuju Puncak- Kejayaan Dunia dan Akhirat*, judul yang dinamakan untuk hasil nukilan bersama dua mantan pensyarah, profesor di Fakulti Perakaunan dan alumni UiTM.

5. Buku ini adalah buku pertama yang menggabungkan idea istimewa dua insan yang telah banyak menyumbang dalam memartabatkan nilai dan kepentingan ilmu, pembangunan akademik, penglibatan dalam bidang penyelidikan dan penerbitan, nilai insan juga aspek kehidupan yang lain.

6. Profesor Emeritus Dr Normah Omar, nama yang begitu signifikan dengan Fakulti Perakaunan dan *Accounting Research Institute*, UiTM, ikon wanita berkerjaya yang telah merangkul pelbagai kejayaan gemilang dan mengharumkan nama fakulti dan UiTM.
7. Dr Muhd Kamil Ibrahim, seorang yang tidak perlu diperkenalkan lagi, saya yakin anda semua pasti cakna berkenaan beliau dan karya-karya yang telah dihasilkan yang sentiasa mendapat sambutan hangat di samping kisah-kisah penghijrahan beliau yang diteladani ramai.
8. Hadirin yang dikasihi, jasa dan bakti mantan pensyarah dan staf UiTM sentiasa mengalir dan hidup dalam diri anak-anak didikan yang mengamalkan ilmu yang diperturunkan. Kedua-dua penulis buku Menuju Puncak- Kejayaan Dunia dan

Akhirat menghasilkan buku ini bukan sekadar berkongsi pengalaman, jauh sekali meraih keuntungan, namun niat ikhlas mereka adalah untuk kebaikan di dunia yang menjadi bekal di akhirat kelak, in shaa Allah.

9. Saya merasa bersyukur kerana nilai royalti hasil jualan buku yang akan dilancarkan ini akan disumbangkan ke (i) Tabung Alumni Prihatin Fakulti Perakaunan dan juga (ii) **Tabung Alumni Prihatin Pusat Penyelidikan Perakaunan (to reconfirm the name).**

10. Budaya 'memberi balik' seumpama ini adalah satu cara yang murni dalam menyemarakkan sokongan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan dalam usaha menyambung pengajian mereka. Semoga lebih ramai alumni dapat menyumbang demi kelestarian warga UiTM di masa akan datang.

11. Di akhir kata, saya berharap kita semua telah mendapat banyak pengisian dan kebaikan dalam majlis pada pagi ini.
 12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Buku Menuju Puncak-Kejayaan Dunia Akhirat hasil nukilan bersama YBhg. Profesor Emeritus Dr. Normah Omar dan YBerusaha Dr. Muhd Kamil Ibrahim.
 13. Sekian, terima kasih.
-